



PEKELILING PENGAJARAN-UKM BIL. 2/2022

**SEMUA WARGA AKADEMIK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PROSES PENGARKIBAN KURSUS, GUGUR DAN DAFTAR PELAJAR DI UKMFOLIO™

Dengan segala hormatnya, izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM) ingin memaklumkan bahawa tarikh bagi proses pengarkiban, gugur dan daftar pelajar yang akan berlaku di UKMFolio™ seperti jadual di bawah:

| Bil. | Perkara | Tarikh & Hari |
|------|---|----------------------------------|
| 1. | Proses arkib bahan Semester 1 2021/2022 di UKMFolio™ | 14 Mac 2022 (Isnin) |
| 2. | Proses gugur (<i>unenrol</i>) pelajar Semester 1 2021/2022 di UKMFolio™ | 15-16 Mac 2022 (Selasa- Rabu) |
| 3. | Proses daftar (<i>enrol</i>) pelajar Semester 2 2021/2022 di UKMFolio™ | 17 Mac 2022 (Khamis) |

3. Proses yang dinyatakan di atas terpakai bagi semua kursus di Fakulti/Institut/Pusat **kecuali** bagi Fakulti Pergigian (FGG), Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMSHAPE) dan kursus-kursus merentas semester, dimana hanya proses pengarkiban bahan Semester 1 2021/2022 sahaja yang akan berlaku, walau bagaimanapun proses gugur (*unenrol*) pelajar tidak akan berlaku. Tambahan, peratus pembelajaran teradun universiti bagi Semester 1 2021/2022 juga akan dikira melalui kursus-kursus yang telah diarkibkan.

4. Sukacita, dimohon kerjasama pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk **memenuhi kriteria Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) bagi semua kursus Semester 1 2021/2022 di UKMFolio™ sebelum semua kursus ini diarkibkan pada 14 Mac 2022 (Isnin) dan mengemaskini kursus dan senarai pensyarah ke dalam SMPWeb sebelum 17 Mac 2022 (Khamis)** bagi melancarkan proses pendaftaran kursus di UKMFolio™. Sehubungan itu, sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh berhubung dengan Pn. Sufeera Rahmad, Penolong Pendaftar di talian telefon:03-8921 4651 atau e-mel: sufeera@ukm.edu.my.

PUSAT PENGAJARAN & PEMBANGUNAN KURIKULUM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4299 Faks: +603-8926 4816 E-mel: pghpftp@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ctlh

Sekian, segala perhatian dan kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar,



PROF. IR. DR. AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD IHSAN
Pengarah

- s.k. - YBhg. Prof. Dr. Mohammad Kassim
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
- YBrs. Prof. Madya Dr. Rozilawati Razali
Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
- En. Muhamad Walid Osman
Timbalan Pendaftar
Pusat Pengurusan Akademik (Akademik UKM)

AKA/dhb;Pekelling2/2022

PUSAT PENGAJARAN & PEMBANGUNAN KURIKULUM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4299 Faks: +603-8926 4816 E-mel: pghppt@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ctlit